

Skim penstabilan harga distruktur semula

Subsidi minyak masak kekal - Hamzah

um 21/10

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 20 OKT.**

SUBSIDI minyak masak tidak akan dimansuhkan seperti yang didakwa Persatuan Pekilang-pekilang Minyak Masak Malaya semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin bagaimanapun berkata, kerajaan akan membuat penstrukturan semula terhadap skim penstabilan harga minyak masak.

"Tiada siapa pun daripada pihak kementerian mengatakan bahawa subsidi minyak masak akan dimansuhkan.

"Berkenaan kenaikan harga minyak masak pula, kajian sedang dilakukan berikutan harga pasaran antarabangsa minyak masak boleh meningkat begitu tinggi," katanya selepas menyempurnakan majlis penyerahan lesen dan persijilan kepada 23 buah syarikat jualan langsung di sini hari ini.

Semalam, Persatuan Pekilang-pekilang Minyak Masak Malaya dalam satu kenyataan berkata, subsidi minyak masak akan dimansuhkan bermula bulan depan.

Tambah Hamzah, berkenaan



HAMZAH ZAINUDIN

penetapan harga, kementerian perlu melihat semula bajet semasa untuk memuktamadkan sama ada harga minyak masak perlu dinaikkan atau sebaliknya.

"Kerajaan akan tetap meneruskan kajian rasionalisasi subsidi secara menyeluruh sama ada perlu kita buat atau pun tidak dan perkara ini akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Kita akan lihat keperluan secara menyeluruh dan melibatkan semua pihak. Jika terdapat keperluan mendesak, kita akan melakukan kenaikan yang tidak membebankan rakyat," katanya lagi.